KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

## SELASA, 15 OGOS 2023

## LAPORAN HARIAN

15/8/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 1 | **CCTV INSTALLATION BEING CONSIDERED AS MANDATORY CONDITION FOR CHILDCARE CENTRE LICENCE RENEWAL** | |
| | https://www.malaymail.com/news/malaysia/2023/08/13/cctv-installation-being-considered-as-mandatory-condition-for-childcare-centre-licence-renewal/85102 | MALAYMAIL.COM |
| | https://www.newsarawaktribune.com.my/nancy-cctvs-necessary-at-childcare-centres/ | NEWSSARAWAKTRIBUNE.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 2 | **KANAK-KANAK MANGSA DERA TERIMA RAWATAN SEBELUM DISERAH KEPADA WARIS** | |
| | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kanakkanak-mangsa-dera-terima-rawatan-sebelum-diserah-kepada-waris-432749 | ASTROAWANI.COM |
| | https://www.thevibes.com/articles/news/97734/rescued-child-abuse-victim-in-pasir-gudang-receiving-treatment | THEVIBES.COM |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/08/999306/kanak-kanak-disyaki-didera-ibu-rakan-ceria-bersama-bapa-datuk | HMETRO.COM.MY |
| | https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/08/1140261/kanak-kanak-mangsa-dera-ibu-kandung-diserahkan-kepada-waris-dari-kedah | BHARIAN.COM.MY |
| | https://www.kosmo.com.my/2023/08/14/kanak-kanak-mangsa-dera-sihat-ceria-dapat-jumpa-bapa-datuk/ | KOSMO.COM.MY |
| | https://www.utusan.com.my/berita/2023/08/kanak-kanak-mangsa-dera-sihat-ceria-exco/ | UTUSAN.COM.MY |
| | https://www.youtube.com/watch?v=MA6yDEI2AsE | YOUTUBE |
| | https://www.youtube.com/watch?v=PhXQPtN0snA | YOUTUBE |

15/8/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 3 | **KECEDERAAN KANAK-KANAK MANGSA DERA IBU, 'TOMBOY' PERLU RAWATAN RAPI** | |
| | https://www.kosmo.com.my/2023/08/14/kecederaan-kanak-kanak-mangsa-dera-ibu-tomboy-perlu-rawatan-rapi/ | KOSMO.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 4 | **GUARDIAN FOR JOHOR CHILD ABUSE VICTIM YET TO BE DETERMINED, SAYS NANCY** | |
| | https://www.thestar.com.my/news/nation/2023/08/14/guardian-for-johor-child-abuse-victim-yet-to-be-determined-says-nancy | THESTAR.COM.MY |
| | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/08/1140378/penjaga-mangsa-dera-belum-dimuktamadkan | BHARIAN.COM.MY |
| | https://www.thesundaily.my/local/nancy-guardian-for-johor-child-abuse-victim-yet-to-be-determined-OF11363951 | THESUNDAILY.MY |
| | https://www.nst.com.my/news/nation/2023/08/942779/nancy-guardian-johor-child-abuse-victim-yet-be-determined | NST.COM.MY |
| | https://www.malaymail.com/news/malaysia/2023/08/14/nancy-shukri-guardian-for-johor-child-abuse-victim-yet-to-be-determined/85207 | MALAYMAIL.COM |
| | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/penjaga-bagi-kanakkanak-lelaki-didera-di-johor-belum-dimuktamadkan-432786 | ASTROAWANI.COM |
| | https://majoriti.com.my/berita/2023/08/14/waris-budak-kena-dera-di-pasir-gudang-dikenal-pasti-jkm-belum-muktamad-hak-penjaga | BERNAMA.COM |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/08/999400/penjaga-mangsa-dera-belum-dimuktamadkan | HMETRO.COM.MY |
| | https://www.utusan.com.my/nasional/2023/08/penjaga-kanak-kanak-mangsa-dera-dimuktamadkan-selepas-keluar-hospital/ | UTUSAN.COM.MY |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/273725/berita/semasa/penjaga-bagi-kanak-kanak-didera-di-johor-belum-dimuktamadkan | SINARHARIAN.COM.MY |
| | https://suaramerdeka.com.my/132854-2/ | SUARAMERDEKA.COM.MY |
| | https://www.youtube.com/watch?v=TAJitepy2PQ | YOUTUBE |
| | https://www.youtube.com/watch?v=J2lKIF4Rcuo | YOUTUBE |

15/8/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 5 | **TINDAKAN TEGAS TERHADAP INDIVIDU ZALIMI KANAK-KANAK - MB JOHOR** | |
| | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/tindakan-tegas-terhadap-individu-zalimi-kanakkanak-mb-johor-432870 | ASTROAWANI.COM |
| | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/08/1140492/luluh-hati-saya-lihat-keadaan-adik-iman | BHARIAN.COM.MY |
| | https://malaysiagazette.com/2023/08/14/tindakan-tegas-terhadap-individu-zalimi-kanak-kanak-mb-johor/ | MALAYSIAGAZETTE.COM |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/273800/berita/nasional/mb-johor-sebak-lihat-keadaan-adik-iman-mangsa-dera | SINARHARIAN.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 6 | **98.85 PERATUS KANAK-KANAK DI SARAWAK MENDAPAT PENDIDIKAN AWAL** | |
| | https://sarawakvoice.com/98-85-peratus-kanak-kanak-di-sarawak-mendapat-pendidikan-awal/ | SARAWAKVOICE.COM |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 7 | **PROGRAM  CITRA MINDA BERI MANFAAT KEPADA DUA GENERASI-ANSHAREY** | |
| | https://www.borneodailybulletin.com/program-citra-minda-beri-manfaat-kepada-dua-generasi-ansharey/ | BORNEODAILYBULLETIN.COM |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 8 | **SARAWAK TERUSKAN INSENTIF BAYARAN BALIK PINJAMAN PTPTN ANAK SARAWAK** | |
| | https://www.kosmo.com.my/2023/08/14/sarawak-teruskan-insentif-bayaran-balik-pinjaman-ptptn-anak-sarawak/ | KOSMO.COM.MY |

15/8/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 9 | **WANITA SARAT MENGANDUNG PUTUS BELANJA DITINGGALKAN SUAMI** | |
| | https://www.kosmo.com.my/2023/08/14/wanita-sarat-mengandung-putus-belanja-ditinggalkan-suami/ | KOSMO.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 10 | **ROGOL ANAK HINGGA HAMIL, BAPA DURJANA DIPENJARA 42 TAHUN, 24 SEBATAN** | |
| | https://www.hmetro.com.my/utama/2023/08/999336/rogol-anak-hingga-hamil-bapa-durjana-dipenjara-42-tahun-24-sebatan | HMETRO.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 11 | **LELAKI GILA SEKS, RAKAM WANITA BUANG AIR DALAM TANDAS STESEN MINYAK** | |
| | https://www.kosmo.com.my/2023/08/14/lelaki-gila-seks-rakam-wanita-buang-air-dalam-tandas-stesen-minyak/ | KOSMO.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 12 | **WARGA EMAS DISAMUN, RUGI LEBIH RM70,000** | |
| | https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/08/1140484/warga-emas-disamun-rugi-lebih-rm70000 | BHARIAN.COM.MY |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/08/999505/warga-emas-kena-ragut-rm70000-lesap | HMETRO.COM.MY |
| | https://www.utusan.com.my/berita/2023/08/warga-emas-putih-mata-wang-jualan-hampir-rm70000-diragut/ | UTUSAN.COM.MY |
| | https://www.kosmo.com.my/2023/08/14/peragut-larikan-wang-tunai-rm70000-dalam-bakul-motosikal-warga-emas/ | KOSMO.COM.MY |
| | https://www.buletintv3.my/jenayah/warga-emas-kena-samun-rm70000/ | BULETINTV3.MY |

16/8/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 13 | **WANITA MATI DIPIJAK GAJAH CEDERA DI DADA** | |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/273722/berita/semasa/wanita-mati-dipijak-gajah-cedera-di-dada | SINARHARIAN.COM.MY |
| | https://www.utusan.com.my/nasional/2023/08/wanita-maut-dipijak-gajah-ketika-kutip-durian/ | UTUSAN.COM.MY |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/08/999370/wanita-orang-asli-maut-dipijak-gajah-ketika-kutip-durian | HMETRO.COM.MY |
| | https://www.buletintv3.my/nasional/wanita-maut-dipijak-gajah/ | BULETINTV3.MY |
| | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/wanita-orang-asli-maut-dipijak-gajah-432754 | ASTROAWANI.COM |
| | https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/08/1140326/wanita-orang-asli-maut-dipijak-gajah-ketika-kutip-durian | BHARIAN.COM.MY |
| | https://www.malaysiakini.com/news/647079 | MALAYSIAKINI.COM |
| | https://malaysiagazette.com/2023/08/14/wanita-maut-dipijak-gajah-ketika-kutip-durian/ | MALAYSIAGAZETTE.COM |

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | BUDAK MANGSA DERA AKAN DISERAH KEPADA WARIS | | | |
| HARI | : | SELASA | AKHBAR | : | BERITA HARIAN |
| TARIKH | : | 15 OGOS 2023 | M/SURAT | : | 21 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Budak mangsa dera akan diserah kepada waris

**Johor Bahru:** Kanak-kanak lelaki berusia tujuh tahun yang dipercayai menjadi mangsa dera ibu kandung dan kenalannya, akan diserahkan kepada waris di Kedah.

Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Negeri Johor, Khairin Nisa Ismail, berkata kanak-kanak berkenaan akan menerima rawatan sesuai di Hospital Sultan Ismail (HSI) sebelum proses penyerahan itu dilakukan.

Beliau berkata, waris berkenaan didapati orang yang layak dan sesuai bagi diberi penjagaan kepada kanak-kanak berkenaan.

Katanya, ketika melawat kanak-kanak berkenaan, pihaknya mendapati mangsa dalam keadaan baik dan ceria bersama ahli keluarga.

"Alhamdulillah, kanak-kanak ini kelihatan ceria ketika bersama ayah, bapa saudara dan datuknya di sisinya.

## Rai hari lahir

Khairin Nisa berkata, pihaknya juga meraikan ulang tahun kelahiran kanak-kanak itu dengan ahli keluarganya.

"Terima kasih Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Negeri Johor, Pelindung Kanak-Kanak JKM dan pihak HSI termasuk pakar pediatrik kanak-kanak kerana memberi jagaan terbaik kepada kanak-kanak itu serta memberikan hak yang sepatutnya.

"Kes penderaan kanak-kanak boleh disiasat mengikut seksyen 31(1)(a) Akta Kanak-Kanak. Jika sabit kesalahan, boleh dipenjara tidak melebihi 20 tahun, atau dengan denda tidak melebihi RM50,000 atau kedua-duanya.

"Difahamkan ibu kanak-kanak itu direman enam hari manakala kenalannya direman tujuh hari," katanya menerusi kenyataan dikongsi di Facebook.

Terdahulu, Khairin Nisa melawat kanak-kanak berkenaan di HSI bersama Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Tiram, Azizul Bachok, pagi semalam.

Sabtu lalu, Ketua Polis Johor, Datuk Kamarul Zaman Mamat, menyatakan wanita warga tempatan berusia 27 tahun yang juga ibu mangsa dan seorang wanita warga asing berusia 30 tahun itu ditahan kira-kira jam 12.30 tengah malam Jumaat.

Terdahulu, tular dua klip video yang masing-masing berdurasi 24 saat dan 32 saat dimuat naik dalam media sosial pada jam 6.02 petang Sabtu.

Video itu memaparkan beberapa individu dipercayai penduduk kawasan perumahan, berkumpul di hadapan sebuah rumah meminta agar kanak-kanak lelaki itu dibawa keluar.



*Khairin Nisa (kiri) melawat kanak-kanak mangsa dera di Hospital Sultan Ismail, Johor Bahru, semalam.* (Foto ihsan FB Khairin Nisa Ismail)

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | KELAB RUKUN NEGARA DIPERLUAS KE SEMUA SEKOLAH | | | |
| HARI | : | SELASA | AKHBAR | : | BERITA HARIAN |
| TARIKH | : | 15 OGOS 2023 | M/SURAT | : | 14 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Kelab Rukun Negara diperluas ke semua sekolah

**Kuala Lumpur:** Kelab Rukun Negara akan diperluas di semua sekolah, termasuk sekolah swasta bagi menyemarakkan lagi semangat perpaduan dalam kalangan pelajar.

Pada masa ini, Menteri Pendidikan, Fadhlina Sidek, berkata terdapat 6,849 Kelab Rukun Negara di seluruh negara.

"Kelab ini akan menjadi peneraju perpaduan di sekolah. Kita akan buat perluasan. Makluman akan diberikan dari semasa ke semasa. Ia bertujuan memastikan program perpaduan berjalan selaras hasrat Kementerian Pendidikan dan Kementerian Perpaduan Negara," katanya pada majlis pelancaran program Eksplorasi Rukun Negara Peringkat Sekolah Tahun 2023 di sini semalam.

Fadhlina berkata, warga pendidik memainkan peranan penting bagi memupuk semangat perpaduan dalam kalangan generasi muda.

Katanya, guru ejen dalam usaha menerapkan semangat perpaduan kepada anak muda, bermula di bangku sekolah.

"Guru ialah ejen perpaduan. Kita boleh lihat guru menyampaikan impian dan tekad bagaimana perpaduan patut dilaksanakan di sekolah," katanya.

Program itu untuk meningkatkan pengetahuan, pemahaman, penghayatan dan pengamalan (4P) Rukun Negara dalam diri murid dan menjadikannya sebahagian sikap dan tingkah laku mereka, bagi mengukuhkan semangat jati diri serta semangat cintakan negara.

Sementara itu, Menteri Perpaduan Negara, Datuk Aaron Ago Dagang yang turut hadir pada program itu berkata, Kabinet meluluskan memorandum agar Rukun Negara dilafazkan secara penuh, bermula dengan mukadimah sebelum disusuli lima prinsip yang termaktub dalam Rukun Negara.

"Cita-cita kita untuk Rukun Negara dilafaz dengan penuh dimulakan dengan cita-cita atau mukadimah sebelum dicakan lima prinsip Rukun Negara," katanya. BERNAMA



*Fadhlina dan Aaron bersama murid sekolah pada Majlis Pelancaran Eksplorasi Rukun Negara Peringkat Sekolah Tahun 2023 di Kuala Lumpur, semalam.* (Foto Eizairi Shamsudin/BHo)

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | LELAKI ROGOL 2 ANAK DIPENJARA 702 TAHUN, 234 SEBATAN | | | |
| HARI | : | SELASA | AKHBAR | : | BERITA HARIAN |
| TARIKH | : | 15 OGOS 2023 | M/SURAT | : | 17 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Lelaki rogol 2 anak dipenjara 702 tahun, 234 sebatan

**Muar:** "Saya terima hukuman ini atas perbuatan dilakukan," kata seorang bapa sebelum Mahkamah Sesyen di sini, semalam, menjatuhkan hukuman penjara, berjumlah 702 tahun dan 234 sebatan, selepas mengaku bersalah terhadap 30 tuduhan rogol dan amang seksual fizikal terhadap dua anaknya sejak enam tahun lalu.

Tertuduh yang juga pekerja pembersihan, didakwa melakukan perbuatan jijik itu terhadap dua anaknya yang kini masing-masing berusia 12 dan 15 tahun dengan seorang daripadanya hamil lima minggu.

Lelaki berusia 53 tahun itu berhadapan 30 pertuduhan dengan 19 daripadanya membabitkan kejadian rogol, manakala 11 lagi kes cabul kehormatan dua anaknya, terlebih dahulu mengaku bersalah selepas setiap pertuduhan sejurus dikemukakan di hadapan Hakim Abu Bakar Manat.

Hampir sejam masa diambil oleh jurubahasa untuk membaca semua pertuduhan serta fakta kes dengan tertuduh yang dilihat hanya mampu tunduk sambil menggeleng kepala.

Abu Bakar dalam prosiding berkata, tidak ada faktor yang boleh dipertimbangkan untuk hukuman terhadap tertuduh kerana mangsa adalah anak kandungnya selain seorang daripadanya sudah hamil.

"Mengambil kira pengakuan bersalah kamu, mahkamah menjatuhkan hukuman penjara 30 tahun serta 10 sebatan bagi setiap pertuduhan merogol, 10 tahun penjara serta dua sebatan bagi kesalahan amang seksual fizikal serta tambahan hukuman bagi Seksyen 16 (1) Kanun Keseksaan iaitu dua tahun penjara dan dua sebatan bagi setiap pertuduhan," katanya.

Bagaimanapun, mahkamah mengarahkan semua hukuman penjara dijalankan serentak bermula dari tarikh ditahan 10 Julai lalu, manakala sebatan secara berasingan.

Ini bermakna tertuduh hanya perlu menjalani hukuman penjara 42 tahun namun hukuman sebatan kekal 234 kali.

Namun, Seksyen 288 Kanun Prosedur Jenayah hanya membenarkan maksimum hukuman sebatan adalah 24 kali.

Mengikut kertas pertuduhan, dia didakwa melakukan perbuatan terkutuk itu sejak 2017 ketika salah seorang mangsa berusia 10 tahun dengan kejadian terakhir berlaku pada 4 Julai lalu membabitkan dua lokasi berasingan di Jeram dan Bakri, di sini.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | PENSYARAH RUGI RM537,659 DITIPU PANGGILAN PALSU | | | |
| HARI | : | SELASA | AKHBAR | : | BERITA HARIAN |
| TARIKH | : | 15 OGOS 2023 | M/SURAT | : | 18 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Pensyarah rugi RM537,659 ditipu panggilan palsu

**Tanjung Malim:** Seorang pensyarah wanita kerugian lebih setengah juta ringgit selepas terpedaya dengan sindiket panggilan telefon palsu, di sini.

Ketua Polis Daerah Muallim, Superintendan Mohd Hasni Mohd Nasir, berkata mangsa berusia 38 tahun itu dikatakan menerima panggilan daripada suspek yang mendakwa dirinya pekerja syarikat penghantaran barang pada kira-kira jam 12 tengah hari, 3 Ogos lalu.

Katanya, suspek mendakwa mangsa mempunyai dua bungkusan di pejabat syarikat terbabit yang mengandungi lima kad pengenalan, lima pasport dan lima kad ATM milik orang lain.

"Panggilan telefon terbabit kemudian kononnya disambung ke Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Perak dan Bukit Aman bagi tujuan semakan dan laporan polis.

"Suspek yang menyamar sebagai polis mendakwa mangsa terbabit dalam pengubahan wang haram dan pemerdagangan manusia.

"Notis waran tangkap dikatakan sudah dikeluarkan terhadap mangsa dan wanita itu diarah membuat pindahan wang kononnya bagi semakan sama ada terbabit atau tidak dalam kes terbabit," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Mohd Hasni berkata, siasatan mendapati dari tempoh mangsa dihubungi sehingga kelmarin, wanita itu melakukan transaksi wang sebanyak 25 kali ke atas 16 pemilik akaun berlainan.

Katanya, mangsa mula menyedari ditipu selepas ditegur oleh suaminya kerana berubah sikap dan kerap memegang telefon bimbit.

"Mangsa juga ingin meminjam wang daripada suaminya untuk membayar suspek dan setakat ini sudah kerugian RM537,659.89," katanya.

Mohd Hasni berkata, kes disiasat mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan (KK) dan menasihatkan orang ramai berhati-hati supaya tidak menjadi mangsa penipuan panggilan palsu.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | PROGRAM ROSE BANTU KESAN KANSER SERVIKS LEBIH AWAL | | | |
| HARI | : | SELASA | AKHBAR | : | BERITA HARIAN |
| TARIKH | : | 15 OGOS 2023 | M/SURAT | : | 24 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Program ROSE bantu kesan kanser serviks lebih awal

## Ujian saringan PCR HPV kendiri diberi percuma, kadar ketepatan 90 peratus

Oleh Ercy Gracella Ajos
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Lebih 24,000 wanita di seluruh negara mendapat manfaat saringan serviks secara percuma menerusi program Removing Obstacles to Servical Screening (ROSE) diperkenal oleh Yayasan ROSE, yang berdedikasi untuk menghapuskan kanser serviks, sejak diperkenalkan 2019 lalu.

Pemegang Amanah Yayasan ROSE, Prof Dr Woo Yin , berkata bagaimanapun, tahap kesedaran wanita mengenai kepentingan menjalani saringan kanser serviks yang boleh dikesan melalui ujian Human Papillomavirus (HPV), di negara ini masih rendah terutama di kawasan luar bandar dan pedalaman.

Katanya, pelbagai inisiatif dilakukan Program ROSE melalui aktiviti rangkaian komuniti untuk membawa saringan HPV secara percuma kepada wanita di Malaysia, terutama golongan B40.

"Saringan kanser serviks menggunakan ujian Pap smear yang lazim dijalankan yang mungkin rasa sakit, tidak selesa dan perasaan malu membuatkan mereka enggan melakukannya.

"Bagi Program ROSE, antara tunggak utama program ini adalah ujian PCR HPV kendiri, iaitu individu membuat ujian saringan kendiri berbanding pap smear dilakukan petugas kesihatan profesional.

"Program ROSE menggunakan ujian makmal yang sah menerusi protokol disahkan secara klinikal untuk spesimen diambil secara kendiri bagi ujian saringan serviks berasaskan HPV.


Woo Yin

"Kami akan menggunakan platform e-kesihatan digital untuk pendaftaran dan komunikasi untuk rawatan susulan.

Keputusan ujian saringan akan dihantar melalui khidmat pesanan ringkas (SMS) dan WhatsApp dalam tempoh tiga minggu. Namun, individu tidak menerima keputusan ujian itu boleh menghubungi pusat panggilan ROSE.

"Andai keputusan ujian adalah normal (HPV tidak dikesan), ini bermakna risiko untuk mengalami perubahan sel yang serius di serviks atau pangkal rahim adalah rendah.

"Bagi SMS yang HPV dikesan, tidak bermakna individu mempunyai kanser serviks, tetapi dikehendaki mendapatkan pemeriksaan dan rawatan lanjut untuk mengurangkan risiko kanser serviks pada masa depan.

### Guna teknologi terkini

Beliau berkata, inovasi utama Program ROSE bukan sahaja ujian HPV yang menggunakan swab pensampelan kendiri, namun pihaknya akan memastikan wanita memahami tujuan ujian saringan HPV dan jika perlu, memastikan mereka dirujuk ke hospital yang terdekat untuk pemeriksaan lanjut.

"Program ROSE menggabungkan ujian HPV dengan kaedah pensampelan kendiri dan keputusannya lebih tepat daripada ujian pap smear lazimnya dijalankan, iaitu sebanyak 90 peratus, manakala pap smear hanya 50 peratus," katanya.

Beliau yang juga Pakar Onkologi Ginekologi dari Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM) berkata, dengan adanya saringan komprehensif menggunakan teknologi terkini memainkan peranan sangat penting untuk mencapai penghapusan kanser serviks sebagai matlamat keseluruhan.


Kit ujian HPV PCR yang digunakan bagi pengesanan kanser Serviks di Yayasan ROSE, UMXcelerate. (Foto Asyraf Hamzah/BH)

"Langkah ini membolehkan diagnosis awal dilakukan dan rawatan diberikan tepat pada masa dan ini dapat mempertingkatkan lagi kemungkinan untuk sembuh daripada penyakit barah ini.

"Menerusi program ini, seramai 200 wanita dikenal pasti dan dirawat untuk prakanser dan kanser awal," katanya ketika ditemui di pejabat Yayasan ROSE baru-baru ini.

Yang turut hadir, Pengarah Program Kesihatan Wanita, Pertubuhan Global untuk Diagnostik (FIND), Dr Angela Muriuki.

Impak saringan HPV sudah dibuat sebelum ini mendapati sebanyak 97 peratus akan mengesyorkan ujian ini kepada ahli keluarga dan rakan.

"Banyak maklum balas positif kami terima daripada orang ramai.

"Justeru, hal berkaitan intervensi kesihatan, perlu membabitkan pelbagai pihak, bukan hanya pihak kerajaan, pegawai perubatan kerana ini tidak cukup.

"Kita perlu pembabitan orang ramai termasuk NGO tempatan mahupun agensi kesihatan global dan lokal untuk berkongsi mesej mengenai saringan ini kepada orang ramai bagi mencapai penghapusan kanser serviks di negara ini," katanya.

Sementara itu Angela berkata, beliau berminat untuk mengamati dan mempelajari Program ROSE.

"Baru-baru ini, saya mengikuti program ROSE dijalankan di kawasan pedalaman Sarawak. Saya melihat ia sangat penting dalam usaha menghapuskan kanser serviks di negara berpendapatan rendah dan sederhana.

"Program rangkaian komuniti melalui Program ROSE boleh dijadikan contoh negara jiran dan negara berpendapatan menengah atau rendah. Pihak FIND menyokong sepenuhnya usaha itu," katanya.

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | USANITA ANGKAT POTENSI PRODUK USAHAWAN PKS | | | |
| HARI | : | SELASA | AKHBAR | : | BERITA HARIAN |
| TARIKH | : | 15 OGOS 2023 | M/SURAT | : | 24 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Usanita angkat potensi produk usahawan PKS



*Adzliana (kiri) bersama Fara (tengah) melancarkan siri produk terbaharunya pada Majlis Minum Petang Perintis Usanita 2.0 di Wangsa Maju, baru-baru ini.* (Foto Rohanis Shukri/BH)

**Kuala Lumpur:** Usanita Sdn Bhd (Usanita) mewujudkan Usanita Mall untuk membantu dan mengangkat potensi produk usahawan kecil untuk lebih berkeyakinan di platform digital.

Usanita memberi peluang kepada perusahaan kecil dan sederhana (PKS) untuk berniaga di platfom berkenaan dan memberi sokongan penuh pada usahawan yang ingin melancarkan produk menerusi program di bawah badan pemudahcara persendirian itu.

Perintis Usanita dan pengasas produk kecantikan, Fara Rauf, berkata sebagai syarikat baharu berkecimpung dalam dunia perniagaan penjagaan kulit, dia sangat bersyukur dipertemukan dengan Usanita.

Katanya, selain menggunakan media sosial TikTok untuk memasarkan produk, platform Usanita Mall juga turut membantu melancarkan produknya.

"Saya percaya kerjasama ini dapat membantu memperluaskan pemasaran produk bertemakan 'miniature' secara digital dan menembusi rangkaian farmasi dan runcit di seluruh Malaysia," katanya selepas Majlis Minum Petang Perintis Usanita 2.0 di Wangsa Maju, baru-baru ini.

Program sudah dijalankan buat kali kedua itu, berjaya mengumpulkan 70 usahawan di bawah payung Usanita yang digelar sebagai Perintis Usanita.

Ketua Pegawai Eksekutif Usanita, Datin Seri Adzliana Hasan, berkata Usanita sentiasa memberikan peluang dan sokongan penuh pada Perintis Usanita yang ingin maju ke hadapan.

Katanya, beliau gembira melihat usahawan wanita ada daya saing dan kretiviti untuk sentiasa maju dalam perniagaan dan memberi inspirasi kepada semua usahawan kecil.

Usanita bukan sahaja memberi ruang pada usahawan untuk menghadiri majlis sesi rangkaian dianjurkan mereka, malah pada bulan depan pihaknya akan mengadakan program seminar diberi nama Bootcamp Perintis Usanita 3.0:The Art of Marketing.

Katanya, seminar yang akan dijalankan tiga hari itu menampilkan rakan strategik Usanita yang juga usahawan selebriti dan pakar dalam bidang pemasaran.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | ABE IMPI SYAHID BANTU ORANG LAIN | | | |
| HARI | : | SELASA | AKHBAR | : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 15 OGOS 2023 | M/SURAT | : | 05 |
| TONE | : | NEUTRAL | SEKTOR | : | KPWKM |

# Abe impi syahid bantu orang lain

*Remaja 'pergi' cuba selamat 2 sepupu yang nyaris lemas*

Oleh Siti Rohana Idris
am@hmetro.com.my

**Tumpat**

"Dua minggu lalu anak ada sebut, dia ingin mati syahid dengan membantu orang lain dan impiannya akhirnya termakbul."

Begitu kata Noridawati Ismail apabila anaknya Muhammad Aidil Zaquan Abdullah, 13, ditemukan lemas dalam tali air berhampiran rumah di Kampung Kubang Sawa, Pengkalan Kubor di sini, kira-kira jam 6.30 petang kelmarin.

Noridawati, 33, berkata, anak sulungnya memberitahu hasrat untuk mati syahid ketika dia menunjukkan video mengenai kebaikan meninggal dunia dalam keadaan itu.

"Saya memberitahunya sangat beruntung apabila sesiapa yang mati syahid dan Abe (Muhammad Aidil) terus menjawab dia pun ingin mati dalam keadaan membantu orang sebegitu.

"Tidak sangka hasratnya betul-betul termakbul apabila Abe pergi ketika ingin menyelamatkan dua sepupunya yang nyaris lemas di tali air, petang semalam (kelmarin)," katanya.

Noridawati berkata, ketika kejadian, dia berada di tempat kerjanya di Chabang Empat sebelum dihubungi ahli keluarga yang memberitahu kejadian menimpa anaknya.

Katanya, kebiasaannya dia pulang dari tempat kerja jam 6 petang, tetapi terlewat kerana menunggu hujan berhenti.

Katanya, apabila mengetahui kejadian buruk itu, dia segera pulang tanpa mengetahui sama ada anaknya selamat atau tidak.

"Sebaik tiba di tali air, luluh hati saya melihat Abe sudah terbujur kaku tidak bernyawa dan baru saya terlintas mengenai kata-katanya yang ingin mati ketika menolong orang lain.

"Abe juga suka bergurau dengan ahli keluarga kebelakangan ini sedangkan dia seorang pendiam. Kami tidak sangka itu antara perubahan sikapnya sebelum ajal menjemput," katanya.

Jenazah pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Chabang Empat itu dikebumikan di Tanah Perkuburan Islam Kampung Kajang Sebidang di sini, jam 10 pagi semalam.

Sementara itu, Ketua Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Pengkalan Kubor, Mohd Anuar Yacob berkata, pihaknya menerima panggilan kecemasan jam 6.32 petang sebelum seramai tujuh pegawai serta anggota bergegas ke lokasi.

"Mangsa yang ditemukan penduduk kampung sudah berada di tebing tali air dan mayatnya diserahkan kepada polis," katanya.

Mangsa dikatakan berada di padang bola tidak jauh dari tali air dan ternampak beberapa remaja mandi yang mana dua daripadanya dipercayai sedang lemas.

Difahamkan, mangsa segera terjun ke dalam tali air untuk memberi bantuan dan dua sepupunya itu berjaya berpegang pada sebuah perahu usang manakala mangsa pula lemas.



SUASANA pilu di lokasi kejadian remaja lelaki yang ditemukan lemas dalam tali air di Kampung Kubang Sawa, Pengkalan Kubor.



NORIDAWATI menunjukkan foto Muhammad Aidil Zaquan yang ditemukan lemas di tali air di Kampung Kubang Sawa, Pengkalan Kubor.

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | BAPA KENA JEL 702 TAHUN, 234 SEBATAN! | | |
| HARI | : | SELASA | AKHBAR : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 15 OGOS 2023 | M/SURAT : | 04 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR : | KPWKM |


# Bapa kena jel 702 tahun, 234 sebatan!

## *Mengaku bersalah rogol, amang seksual fizikal terhadap 2 anak*

**Oleh Alias Abd Rani**
am@hmetro.com.my

**Muar**

"Saya terima hukuman ini atas perbuatan dilakukan," kata seorang bapa sebelum Mahkamah Sesyen di sini, semalam menjatuhkan hukuman penjara 702 tahun dan 234 sebatan selepas mengaku bersalah merogol dan amang seksual fizikal terhadap dua anaknya sejak enam tahun lalu.

Bagaimanapun, mahkamah mengarahkan semua hukuman penjara dijalankan serentak bermula dari tarikh ditahan 10 Julai lalu manakala sebatan secara berasingan.

Ini bermakna tertuduh berusia 53 tahun itu hanya perlu menjalani hukuman penjara 42 tahun namun hukuman sebatan kekal 234 kali.

Namun Seksyen 288 Kanun Prosedur Jenayah hanya membenarkan maksimum hukuman sebatan adalah 24 kali.

Pekerja pembersihan itu didakwa melakukan perbuatan jijik terhadap dua anaknya yang kini masing-masing berusia 12 dan 15 tahun dengan seorang daripadanya hamil lima minggu.

Tertuduh yang berhadapan 30 pertuduhan dengan 19 daripadanya membabitkan kejadian rogol manakala 11 lagi kes cabul kehormatan dua anaknya, terlebih dahulu mengaku bersalah selepas setiap pertuduhan dibaca oleh jurubahasa di hadapan Hakim Abu Bakar Manat.

Hampir sejam masa diambil jurubahasa untuk membaca kesemua pertuduhan serta fakta kes dengan tertuduh yang dilihat hanya mampu tunduk sambil geleng kepala.

Abu Bakar dalam prosiding berkata, tidak ada faktor yang boleh dipertimbangkan untuk hukuman terhadap tertuduh kerana mangsa adalah anak kandungnya selain seorang daripadanya sudah hamil.

"Mangsa ketika itu adalah kanak-kanak dengan kesalahan dilakukan kamu sangat berat. Justeru, saya berharap dengan hukuman ini, kamu bertaubat dan belajar daripada kesilapan yang telah dilakukan.

> **"Saya berharap dengan hukuman ini, kamu bertaubat dan belajar daripada kesilapan**
> Hakim

"Mengambil kira pengakuan bersalah kamu, mahkamah menjatuhkan hukuman penjara 30 tahun serta 10 sebatan bagi setiap pertuduhan merogol, 10 tahun penjara serta dua sebatan bagi kesalahan amang seksual fizikal serta tambahan hukuman bagi Seksyen 16 (1) Kanun Keseksaan iaitu dua tahun penjara dan dua sebatan bagi setiap pertuduhan," katanya.

Mengikut kertas pertuduhan, dia didakwa melakukan perbuatan terkutuk itu sejak 2017 ketika salah seorang mangsa berusia 10 tahun dengan kejadian terakhir berlaku pada 4 Julai lalu membabitkan dua lokasi berasingan di Jeram dan Bakri, di sini.

Berikutan itu, tertuduh didakwa mengikut Seksyen 376 (3) Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman penjara sehingga 30 tahun dan 10 kali sebatan.

Bagi Seksyen 14 (a) Akta Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 yang boleh dihukum mengikut Seksyen 14 dan dibaca bersama Seksyen 16 (1) akta sama yang memperuntukkan hukuman penjara sehingga 20 tahun dan boleh juga dikenakan sebatan.

Mengikut fakta kes, pegawai perubatan dari Hospital Pakar Sultanah Fatimah Muar membuat laporan polis selepas mendapati salah seorang mangsa hamil ketika mendapat rawatan akibat sakit dada.

Ketua Polis Daerah Muar Asisten Komisioner Raiz Mukhliz Azman Aziz berkata, kertas siasatan yang dimajukan kepada Timbalan Pendakwa Raya berjaya memperoleh arahan sebanyak 30 pertuduhan terhadap suspek.

Pendakwaan dilakukan Timbalan Pendakwa Raya Danial Munir manakala tertuduh tidak diwakili peguam.



TERTUDUH dikenakan hukuman penjara 702 tahun dan 234 sebatan selepas mengaku bersalah merogol dan amang seksual fizikal terhadap dua anaknya sejak enam tahun lalu.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | CINTA YANG TAK LAYU! | | | |
| HARI | : | SELASA | AKHBAR | : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 15 OGOS 2023 | M/SURAT | : | 07 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |



NURRHIDAYAH menjaga suaminya yang mengalami ruam teruk dan dirawat di hospital selama 43 hari akibat alahan ubat titis mata menyebabkan dia kehilangan deria penglihatan.

# Cinta yang tak layu!

## *Wanita setia bersama meskipun suami diuji hilang penglihatan*

Oleh Redzuan Muharam
redzuan.muharam@hmetro.com.my

**Melaka**

"Saya jenis setia, tak reti cari lain kerana sayang suami dan lebih bahagia jaga dia (suami) dalam keadaan begitu," kata Nurrhidayah Hassan, 35, kelmarin.

Nurrhidayah, 35, yang bertugas sebagai perancang majlis mendapat perhatian ramai apabila setia bersama suami, Hamdan Hashim, 36, walaupun lelaki itu bergelar orang kurang upaya (OKU) penglihatan selepas tiga tahun berumah tangga.

Menurutnya, Hamdan jadi begitu kerana menghidap Steven Johnson Sindrom (SJS) akibat alahan terhadap ubat titis mata mengandungi antibiotik.

Lantaran keadaan suaminya, Nurrhidayah dari Kampung Morten di sini, mengakui ada lelaki cuba mendekati selepas tahu keadaan suami namun dia menolak dan memilih kekal setia.

"Saya kenal suami sejak 2011 sebelum berkahwin pada 2014.

"Ditakdirkan dia sakit pada 2017 namun saya anggap itu ujian dan terus menjaganya.

"Waktu itu (suami mula sakit), memang ada yang cuba ambil kesempatan namun saya tak layan kerana naluri dan perasaan bukan ke arah lelaki lain.

"Bagi saya, apa yang berlaku itu takdir Allah dan saya reda dengan ketentuan-Nya," katanya.

Sementara itu, Hamdan mengakui berat untuknya menerima hakikat hilang penglihatan selepas 30 tahun hidup normal.

Bagaimanapun Hamdan cuba berdamai dengan takdir dan bersyukur masih dipanjangkan usia serta ada isteri yang menjaganya.

"Mungkin dulu saya nakal, jadi Allah beri ujian ini sebagai peringatan dan sayang-Nya terhadap saya.

"Walaupun tak dapat melihat sempurna apabila mata kanan buta dan kiri hanya nampak sedikit, saya bersyukur dengan kehidupan sekarang.

"Tak kaya tapi hidup saya cukup berbanding dulu dan tambah bersyukur dengan isteri yang sanggup jaga serta bersama dalam susah senang. Moga syurga tempatnya," katanya.

Mengimbas detik hitam dalam hidupnya, Hamdan berkata, pada awalnya dia hanya mengalami sakit mata dan kemudian merujuk ke klinik untuk mendapatkan rawatan.

"Waktu itu, saya dibekalkan ubat titis mata dan selepas gunakannya, berlaku alahan menyebabkan mata dan bibir bengkak hingga dikejarkan ke hospital.

"Selepas diberi makan ubat, alahan bertambah teruk sehingga naik ruam serta luka pada wajah dan badan.

"Akibatnya saya mendapatkan rawatan 43 hari di hospital dengan dua minggu di unit rawatan rapi dan selebihnya di wad biasa," katanya.

Menurutnya, hampir tiga tahun dia ambil masa untuk stabil sebelum dapat bekerja semula pada hujung 2019.

"Kini saya cari rezeki sebagai pembantu di kedai makan ibu mentua (Amnah Othman, 64).

"Orang mungkin tengok saya macam normal kerana boleh buat kerja, tetapi hanya saya, doktor dan Allah tahu keadaan diri ini.

"Doktor di hospital kerajaan tak berani nak ambil risiko rawat saya dan kini, saya ikhtiar berubat dengan pakar mata di Kuala Lumpur setiap tiga bulan sekali.

"Kosnya bukan sedikit namun saya dengan bantuan isteri bersama kumpul duit demi sembuh kembali," katanya yang belum dikurniakan zuriat.

**"Walaupun tak dapat melihat sempurna apabila mata kanan buta dan kiri hanya nampak sedikit, saya bersyukur dengan kehidupan sekarang"**



HAMDAN

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | MAUT DIPIJAK GAJAH | | | |
| HARI | : | SELASA | AKHBAR | : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 15 OGOS 2023 | M/SURAT | : | 02 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Maut dipijak gajah

## *Wanita Orang Asli diserang haiwan ketika kutip durian di kebun*

**Oleh Muhammad Zulsyamini Sufian Suri**
am@hmetro.com.my

**Gerik**

Seorang wanita warga emas Orang Asli maut dipijak gajah liar ketika mengutip durian di Kampung Bal, Rancangan Penempatan Semula (RPS) Kemar di sini, kelmarin.

Kejadian dilaporkan berlaku kira-kira jam 5.30 petang ketika mangsa berusia 63 tahun itu berada di kebun durian yang terletak berhampiran rumahnya.

Mangsa yang cedera parah ditemukan penduduk namun disahkan meninggal dunia ketika dalam perjalanan Klinik Kesihatan RPS Kemar.

Ketua Polis Daerah Gerik, Superintendan Zulkifli Mahmood berkata, bedah siasat ke atas mayat mangsa yang dijalankan di Hospital Gerik mendapati punca kematian adalah akibat hentakan trauma tumpul di bahagian dada dan mayat diserahkan kepada keluarga untuk pengebumian.

Zulkifli berkata, siasatan mendapati mangsa pergi ke kebun durian berkenaan antara jam 4 hingga 5 petang hari kejadian untuk mengutip durian.

"Ketika berada di kebun itu, mangsa dipercayai diserang seekor gajah," katanya dalam kenyataan semalam.

Menurutnya, kes diklasifikasi sebagai mati mengejut (SDR).

Susulan itu polis menasihatkan masyarakat di RPS Kemar berhati-hati sekiranya menjalankan aktiviti pertanian selain memaklumkan kepada pihak berkuasa sekiranya terdapat maklumat kehadiran hidupan liar supaya tindakan yang sewajarnya dapat diambil.

Sementara itu, Pengarah Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) Perak, Yusoff Shariff ketika dihubungi turut mengesahkan menerima laporan berhubung kejadian itu dan siasatan sedang dijalankan.



MAYAT mangsa dibawa ke Hospital Gerik untuk bedah siasat.



SEORANG wanita Orang Asli maut dipijak gajah di Kampung Bal, RPS Pos Kemar, Ahad lalu.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | PENJAGA MANGSA BELUM MUKTAMAD | | | |
| HARI | : | SELASA | AKHBAR | : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 15 OGOS 2023 | M/SURAT | : | 02 |
| TONE | : | NEUTRAL | SEKTOR | : | KPWKM |



BUDAK 7 TAHUN DIDERA IBU, RAKAN

JKM kesan waris mangsa

LAPORAN Harian Metro, semalam.

KES DERA BUDAK JOHOR BAHRU

# *Penjaga mangsa belum muktamad*

**Melaka:** Penjaga bagi kanak-kanak lelaki berusia tujuh tahun yang dipercayai didera ibu dan rakannya di Pasir Gudang, Johor, Jumaat lalu belum dimuktamadkan walaupun waris telah dikenal pasti.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Datuk Seri Nancy Shukri berkata, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Johor sebelum ini melaksanakan kerja-kerja pemeriksaan latar belakang bagi mengenal pasti waris mana yang akan menjaga kanak-kanak berkenaan.

"Tetapi belum muktamadlah sehingga bila dia keluar dari situ (hospital), barulah akan dimuktamadkan (waris mana yang akan menjaga mangsa) tetapi kerja-kerja persediaan itu sudah ada daripada JKM (Johor)," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Program Jerayawara Kasih KPWKM@Advokasi Antigangguan Seksual di Pusat Dagangan Antarabangsa Melaka (MITC), Ayer Keroh, di sini, semalam.

Hadir sama Timbalannya Aiman Athirah Sabu, Exco Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti negeri Datuk Kalsom Nordin dan Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka Datuk Zaidi Johari.

Nancy berkata, kanak-kanak berkenaan sedang menerima rawatan di Wad Pediatrik Hospital Sultan Ismail ketika ini dan berada dalam keadaan stabil.

Beliau berkata, mangsa juga dikatakan mengalami trauma akibat penderaan itu, namun JKM akan melakukan kaunseling dan rawatan pemulihan bagi mengembalikan keyakinan kanak-kanak berkenaan.

Sabtu lalu, Ketua Polis Johor Datuk Kamarul Zaman Mamat dilaporkan berkata, ibu mangsa berusia 27 tahun dan rakan perempuannya warga asing berusia 30 tahun ditahan kerana disyaki mendera mangsa di sebuah rumah di Bandar Layang Kasa, Pasir Gudang.

Kamarul Zaman dipetik sebagai berkata, ibu kanak-kanak itu direman enam hari manakala rakannya direman tujuh hari bagi membantu siasatan mengikut Seksyen 31(1)(a) Akta Kanak-Kanak 2001.

Sebelum ini, tular beberapa rakaman video dan gambar menunjukkan orang awam menyerbu sebuah rumah dipercayai bagi menyelamatkan kanak-kanak yang disyaki didera oleh ibu kandung dan seorang rakannya.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | ABUSED BOY'S GUARDIANSHIP TO BE DECIDED AFTER THOROUGH CHECKS | | | |
| HARI | : | SELASA | AKHBAR | : | NEW STARITS TIMES |
| TARIKH | : | 15 OGOS 2023 | M/SURAT | : | 09 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |



*Johor Women, Family and Community Development Committee chairman Khairin Nisa Ismail cutting a birthday cake with the boy at Sultan Ismail Hospital in Johor Baru yesterday. With the boy are his relatives from Pokok Sena.* PIC FROM KHAIRIN NISA'S FACEBOOK PAGE

'VICTIM IN GOOD SPIRITS'

# Abused boy's guardianship to be decided after thorough checks

**JOHOR BARU:** A 7-year-old boy who was allegedly abused by his mother and her partner will undergo medical treatment and psychological evaluation before his legal guardianship is determined.

Johor Women, Family and Community Development Committee chairman Khairin Nisa Ismail, who visited the boy at Sultan Ismail Hospital yesterday, said the victim was in good spirits and recuperating.

"I was heartbroken to see his injuries. He is a beautiful and well-mannered child.

"The wounds on his back should heal, and he should also mentally heal from the trauma he went through before his guardianship is established.

"His father, uncle and grandfather from Pokok Sena are by his side," Khairin Nisa said when contacted yesterday.

The boy is believed to have been abused by his 27-year-old mother and her 30-year-old partner at their house in Pasir Gudang near here.

Khairin Nisa said guardianship would be determined by the state Social Welfare Department, Child Protection Services and Welfare Department after thorough checks.



*Dr Farah Nini Dasuki*

She said the boy had yet to attend school as he had just turned 7 this month.

"We celebrated his birthday at the hospital today (yesterday) and I also gave him an *ang pow*. He appeared cheerful and was all smiles," she added.

She said besides establishing the best guardianship for the boy, his welfare, including counselling, therapy and school options, would also be determined.

Khairin Nisa said as much as she appreciated the residents of the housing estate for alerting authorities to the alleged abuse on Friday, she said tact should have been exercised when doing so.

"The videos they took, which went viral, should not have shown the boy's face.

"Pictures and videos posted on the Internet will stay on social media forever. We want him to grow up never without a smile .. strong and resilient," she said.

Malaysian Human Rights Commission Children's Commissioner Dr Farah Nini Dasuki said while everyone was saddened by the alleged abuse, the public had overlooked the boy's right to dignity and privacy.

Section 15 of the Child Act 2001 prohibits any publication of information about any child victim of any offence, including images.

Anyone violating this provision could face a fine of up to RM10,000 or imprisonment for up to five years, or both.

Farah Nini said she acknowledged that those involved wanted justice, but they should have also taken into consideration the long-term effects on the victim.

"While seeking justice, it is crucial to also respect his right to dignity and privacy," she said.

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | HOPE PLACE COMES TO AID OF BOY WITH LOVER DISEASE | | |
| HARI | : | SELASA | AKHBAR : | THE BORNEO POST |
| TARIKH | : | 15 OGOS 2023 | M/SURAT : | 12 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR : | KPWKM |




A Hope Place volunteer and the boy's mother posing for a photo with the food aid and supplements provided.

# Hope Place comes to aid of boy with liver disease

**KUCHING:** Hope Place is supporting a two-year-old boy suffering from liver disease with special milk supplements and children's diapers.

According to the charitable organisation, the boy, Mohammad Harith Iskandar Abdullah, was diagnosed with the disease when he was only six months old.

"Harith is a very active and lovable boy. Although he has swollen organs and very under-weight due to the disease, he still runs about and plays like any ordinary two-year olds," said Hope Place, adding the boy has a passion in music.

It said the boy's father is a daily paid construction worker and the mother is a housewife.

"With income below the minimum monthly wage, Harith's parents cannot afford the special milk supplements which Harith needs," said Hope Place.

For more information, Hope Place or Persatuan Kebajikan Harapan Kuching (PKHK) can be reached at 082-505987 from 8am to 5pm Mondays till Fridays and from 8am to 12pm on Saturdays.

All donations are welcomed and receipts will be given upon request.

Donations can be made directly to the organisation's Maybank account at 511289001160. Visit their Facebook page to obtain the Sarawak Pay / S PAY GLOBAL QR code.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | MINISTER: 98.85 PCT ATTENDED PRESCHOOL BEFORE ENTERING PRIMARY 1 THIS YEAR | | | |
| HARI | : | SELASA | AKHBAR | : | THE BORNEO POST |
| TARIKH | : | 15 OGOS 2023 | M/SURAT | : | 09 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Minister: 98.85 pct attended preschool before entering Primary 1 this year




Fatimah (third left) receives a memento from Shamsinah. Also seen are ministry's permanent secretary Noriah Ahmad (left) and NAECCEM exco Datin Kim Ariff (right).

**KUCHING:** A total of 98.85 per cent of children in Sarawak had received early childhood education before entering primary school this year, said Dato Sri Fatimah Abdullah.

The Women, Childhood and Community Wellbeing Development Minister said the Sarawak government through her ministry had been steadfast in its commitment to ensure that all children in the state would have access to early childhood education.

"To be able to record 98.85 per cent of children receiving early childhood education is certainly an achievement, and we are proud to be able to provide access to early childhood education including at five Penan 'taskas' (nurseries).

"The Penan Taskas were constructed using allocation from Petronas, while training for the teachers was provided by the Sarawak government through the ministry," she told a press conference after receiving a courtesy call from the National Association of Early Childhood Care and Education of Malaysia (NAECCEM) at her office here yesterday.

Fatimah stressed about the need to uphold the right of all children in Sarawak to receive early childhood education and in view of this, her ministry had been collaborating with various organisations such as NAECCEM so that the children would have access to quality early childhood education.

Meanwhile, NAECCEM president Shamsinah Shariff expressed her admiration for the initiatives carried out by Fatimah and her ministry in developing early childhood education in the state.

She hoped that through her courtesy call with Fatimah, this would lead to future collaboration with the ministry as well as to emulate what had been done in Sarawak in terms of early childhood education.

Shamsinah's visit, along with several other NAECCEM executive committee members, was aimed at strengthening the relationship between the association and Fatimah's ministry.

Fatimah later also received a courtesy call from Beryl's Marketing Sdn Bhd, which was led by its representative Sih Hua Tong.

The visit was to hand over contributions to Fatimah for distribution to 10 charitable organisations as part of the company's corporate social responsibility (CSR) charity programme in conjunction with Sarawak Day 2023.

The recipients are The Salvation Army Children's Home (Girls), The Salvation Army Children's Home (Boys), Sarawak Cheshire Home, Sarawak Association for the Welfare of Intellectually Disabled Children (Perkata Sarawak), Sarawak Society for Parents of Children with Special Needs (Pibakat), Kuching Autism Association, Sarawak Society for the Deaf, Rumah Kanak-Kanak Toh Puan Hajah Norkiah Kuching, Sarawak Orphans Welfare Association (Peryatim), and SMK Batu Lintang (Blind Student Class).

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | SMC INKS MOU WITH UNICEF UNDER CHILD FRIENDLY CITIES INITIATIVE | | | |
| HARI | : | SELASA | AKHBAR | : | THE BORNEO POST |
| TARIKH | : | 15 OGOS 2023 | M/SURAT | : | 06 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# SMC inks MoU with Unicef under Child Friendly Cities Initiative

Conny Banji

SIBU: The Sibu Municipal Council (SMC) and United Nations Children's Fund (Unicef) yesterday signed a memorandum of understanding (MoU) under the Unicef Child Friendly Cities Initiative (CFCI).

SMC chairman Clarence Ting signed on behalf of the council, while Unicef Malaysia Social Policy chief Dr Juanita Vasquez Escallon was the other signatory.

Ting said by embarking on this journey, SMC seeks to ensure children have a good start in life and grow up feeling safe as well as cared for.

"Children will also have opportunities to express their opinions and influence decisions on issues that affect them.

"As a city, we are still recovering from the Covid-19 pandemic and movement control order. This initiative will ensure we build back better," he said.

Escallon meanwhile said the MoU marks the start of building a child-friendly city in Sibu.

She said a child-friendly city can improve children's lives by having safer neighbourhoods, efficient school and health systems, and enhanced infrastructure for the community.

"The CFCI will complement the Smart City Proof of Concept, the Age Friendly City and Community Initiative, and Sustainable Development Goals initiatives already undertaken by the council.

"Through this journey to become a Child Friendly City, Sibu will transform into a city where every child enjoys every right, and no one is left behind.

"It is our sincere hope that this initiative will play a catalytic role in Sarawak's Post Covid-19 Development Strategy 2030," she said and added that according to the 2020 Census, 20.9 per cent of Sibu's population are children aged 0 to 14 years.

Sibu is the fifth in Sarawak to enter into an agreement with Unicef on CFCI after Miri, Kuching South, Kuching North, and Padawan.

CFCI is endorsed by the Ministry of Public Health, Housing and Local Government; Ministry of Women, Childhood and Community Wellbeing Development; and Sarawak Economic Planning Unit.

Deputy Minister for Public Health, Housing and Local Government Michael Tiang witnessed the ceremony, while Deputy Dewan Rakyat Speaker Alice Lau, who is Lanang MP, was also present.




Ting and Escallon show the signed documents. From second left are Lau and Tiang. — Photo by Conny Banji

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | WOMAN PLEADS NOT GUILTY TO TWO COUNTS OF CHEATING IN CONNECTION WITH RWMF TICKET PURCHASE | | | |
| HARI | : | SELASA | AKHBAR | : | THE BORNEO POST |
| TARIKH | : | 15 OGOS 2023 | M/SURAT | : | 08 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Woman pleads not guilty to two counts of cheating in connection with RWMF ticket purchase

**KUCHING:** A woman claimed trial in a magistrates' court in Kota Samarahan yesterday to dishonestly inducing another woman to purchase tickets for the Rainforest World Music Festival (RWMF) 2023 worth a total of RM2,130.

Henerita Saran, 31, pleaded not guilty before Magistrate Iris Awen Jon to two counts of cheating and dishonestly inducing delivery of property, framed under Section 420 of the Penal Code.

The Section provides for up to 10 years in jail and whipping, and a fine, upon conviction.

The magistrate set Sept 14, 2023 for case management and allowed the accused to be released on cash bail of RM3,000 with two local sureties for each case.

Henerita is accused of dishonestly inducing the victim, 29, to transfer RM1,890 and RM240 into her bank account on Feb 23 and 28, 2023 respectively.

Both offences were allegedly committed at a premises in Central City, Kota Samarahan.

Henerita, who previously worked at a tourism agency in Sarawak and was acquainted with the victim, had allegedly asked the latter if she was interested in purchasing RWMF 2023 tickets.

She also allegedly encouraged the victim to find other friends who were interested in purchasing the tickets with her.

The victim then made online payments to Henerita's bank account and was promised to be given e-tickets or wristbands for the music festival.

On June 23 this year, Henerita allegedly met the victim and told her that the tickets were unable to be printed by the RWMF management and promised to refund the money.

The victim, however, never received any money from her.

Feeling cheated, the victim lodged a police report that led to Henerita's arrest on Aug 9.

DPP Mohamad Aiman Mutallib Mohamad Shariff appeared for the prosecution, while Henerita was unrepresented by legal counsel.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | YAYASAN SARAWAK INTERNATIONAL SCHOOLS IN SIBU SET TO BE READY IN TWO YEARS - SAGAH | | | |
| HARI | : | SELASA | AKHBAR | : | THE BORNEO POST |
| TARIKH | : | 15 OGOS 2023 | M/SURAT | : | 09 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Yayasan Sarawak International School in Sibu set to be ready in two years — Sagah

**SIBU:** The Yayasan Sarawak International School here should be ready within the next two years, said Minister for Education, Innovation and Talent Development Sarawak Datuk Roland Sagah Wee Inn.

In comparison, he said the time it took for the completion of the second Yayasan Sarawak International Secondary School development in Semenggok was also about two years.

"To complete within two years' time," he told reporters when asked about the progress of the project in Sibu.

Sagah was met after officiating at the opening ceremony for the 'Dual Language Programme (DLP) Sarawak Basic Training Course Level 2 for Year 2023', yesterday.

Meanwhile in his opening remarks, Education Department Sarawak director Datu Dr Azhar Ahmad said the Sarawak DLP basic course had been implemented for teacher handling Year 1, Year 2 and Year 3 classes.

"So far, a total of 5,066 teachers had been trained physically, while 4,416 had been trained via online (platform) especially during the Covid-19 pandemic.

"The implementation of the DLP Sarawak basic course continues this year, involving 458 Science and Mathematics teachers handling Year 4 classes," he said, adding that the programme would take place concurrently across seven zones: Kuching, Sri Aman, Sibu, Mukah, Bintulu, Miri and Lawas.

Moreover, Azhar said Sagah's ministry had been providing various complementary materials as well as educational resources to the teachers in support of the implementation of DLP Sarawak.

"They include Science and Mathematics teaching and learning videos in English, teacher's guide-books, student activities books, and National Geographic learning materials."

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | 'DAD IS MY HERO IN TOUGH TIMES' | | | |
| HARI | : | SELASA | AKHBAR | : | THE STAR |
| TARIKH | : | 15 OGOS 2023 | M/SURAT | : | 12 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# 'Dad is my hero in tough times'



**Through thick and thin:** Muhammad Riduan (left) and his son Mohd Fariz look to the future with hope and courage.

## A father's endless sacrifice for his paralysed adult son

**By VENESA DEVI**
venesa@thestar.com.my

**JOHOR BARU:** It has often been said that "a father is a son's first hero" and this can certainly be seen in the case of Muhammad Riduan Abdullah, who has been a rock to his paralysed son.

For the past 10 years, Muhammad Riduan has devoted his life to caring for his 29-year-old son, who became paralysed after a motorcycle accident.

"I quit my job to take care of him full time as he needs help in all aspects of his life, from showering to eating and day-to-day tasks," said the former factory operator.

The father of four, who suffers from prostrate problems, said his son Mohd Fariz used to live with his mother after the couple divorced.

"But after the accident, we decided that it was better for him to live with me," he said in an interview.

Muhammad Riduan, 62, is grateful that Mohd Fariz survived the accident.

As for their financial needs, he said that he was depending solely on his eldest son, who is working as a cashier.

"We need to be prudent when it comes to using money as we need to spend at least RM300 monthly for Mohd Fariz's medical needs. And I also have a 17-year-old son who is still in school," he said, adding that another son, 19, is living with his ex-wife.

Mohd Fariz, for his part, is grateful to his father.

He said he hoped to someday be able to get back on his feet and help his family.

"I am still hopeful that I will someday get some form of normalcy in my life. Although I am paralysed, there may be some online work I could do to help my family, especially my father," he said. He used to work in a noodles stall.

Recounting that fateful day in 2013, he said: "My life changed in the blink of an eye in that motorcycle accident. I was going home after supper with my friends when my motorcycle was hit by a car."

He said that he spent months in the hospital.

However, he lost the ability to move the lower part of his body.

"I miss being able to move around the way I used to and how I could go anywhere I wanted without depending on anyone. But I have accepted my fate. And I'm grateful that my life was spared after the accident," he said.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | ABUSED BOY TO BE CARED FOR BY FAMILY MEMBERS | | | |
| HARI | : | SELASA | AKHBAR | : | THE STAR |
| TARIKH | : | 15 OGOS 2023 | M/SURAT | : | 12 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Abused boy to be cared for by family members

By **REMAR NORDIN**
remar.nordin@thestar.com.my

**JOHOR BARU:** A seven-year-old boy, who was allegedly abused by his mother and her friend in Bandar Layangkasa, Pasir Gudang, will be placed under the care of his family members once he has recovered.

State women, family and community development committee chairman Khairin Nisa Ismail said a medical report showed that the injuries on the boy were inflicted using a cane.

"I visited the boy at Hospital Sultan Ismail on Sunday.

"He seems to be very happy and (will be placed) under the care of his 27-year-old father, uncle and grandfather, who arrived from Kedah.

"However, the boy will only be handed over to them once he has recovered and been discharged," she said when contacted yesterday.

The state government also handed over some donations to the family and celebrated the child's birthday during the visit, she added.

Earlier, Johor police chief Comm Datuk Kamarul Zaman Mamat said two canes were seized from the house.

Comm Kamarul said the boy's mother, 27, and a foreign woman, 30, were arrested at 12.30am on Saturday.

He said the mother was currently under remand for six days until Thursday while the other suspect till Friday.

According to earlier reports, the boy's incessant cries had worried neighbours, who went to the house to check on him.

When the mother and her friend gave excuses why they could not see the boy, the neighbours alerted the police.

Previously, several video recordings and photos went viral showing public members storming a house, believed to be rescuing a child suspected of being abused by the biological mother and a friend.

Meanwhile in Melaka, Women, Family and Community Development Minister Datuk Seri Nancy Shukri said the Johor Social Welfare Department (JKM) had been doing background work to find out which next of kin would take care of the child in question, Bernama reported.

"The final decision will be made once the child is discharged from the hospital. However, the preparatory work has already been done by the JKM," she said.

Nancy told reporters this after officiating at the Kasih KPWKM@Anti-Sexual Harassment Advocacy Roadtour programme in Ayer Keroh yesterday.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | ILLEGAL USE OF 19,546 LITRES OF DIESEL | | | |
| HARI | : | SELASA | AKHBAR | : | THE STAR |
| TARIKH | : | 15 OGOS 2023 | M/SURAT | : | 08 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Illegal use of 19,546 litres of diesel

**IPOH:** A company director has claimed trial to using controlled goods in her firm's bitumen manufacturing operations without a permit.

Datuk Loke Mei Chan, 54, pleaded not guilty after the charge under Regulation 21 of the Control of Supplies Regulations, together with Section 22 (4) of the Control of Supplies Act, was read before Sessions Court judge Ainul Shahrin Mohamad here yesterday.

Loke was alleged to have violated Rule 18(1) of the Regulations by using 19,546 litres of diesel in the running of the company's business without a permit at the Tungzen Industrial Park in Kampung Kepayang, Batu Gajah, on Jan 13 at about 10.55am.

The offence is punishable under Section 22(2) of the same Act, which carries a fine of up to RM1mil or a maximum three years in jail or both, upon conviction.

The company, K2 Bitumen Sdn Bhd, was also charged with the same offence under Rule 21 of the same Regulations.

Loke also claimed trial on the company's behalf.

They could face a fine of up to RM2mil, if found guilty.

Domestic Trade and Costs of Living Ministry deputy public prosecutor Syazwani Zawawi prosecuted while Loke was represented by lawyer Muhammad Iman Johar.

Judge Ainul set Sept 22 for mention.

Separately in the same courtroom, 24-year-old trader Zulhelmi Abdul Wahab also claimed trial to a charge of robbing and voluntarily causing hurt to a man in Jalan Gurdwara here last month.

The accused, who was charged under Section 394 of the Penal Code, was alleged to have committed the offence against one S. Thurisingam at about 8.30pm on July 10.

If convicted, he faces up to 20 years' jail, a fine or whipping.

Zulhelmi, who was unrepresented, requested a lower bail and said he had a family to care for, including three schoolgoing children and a one-year-old toddler.

Judge Ainul set bail at RM5,000 with one surety and fixed Sept 14 for mention.

DPP Mohammad Haiqal Asyraf Suhaimi prosecuted.



**In hot water:** Loke (right) pleaded not guilty to the charge at the Ipoh Sessions Court.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | MAN GETS 702 YEARS' JAIL AND 234 LASHES FOR RAPING DAUGHTERS | | | |
| HARI | : | SELASA | AKHBAR | : | THE STAR |
| TARIKH | : | 15 OGOS 2023 | M/SURAT | : | 03 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Man gets 702 years' jail and 234 lashes for raping daughters

**MUAR:** A man who had been raping his two daughters since 2018 when they were nine and 10, was sentenced to 702 years in prison and ordered to be given 234 strokes of the rotan by the Sessions Court here.

The 53-year-old accused pleaded guilty to 19 charges of rape and 11 charges of sexual assault against his daughters.

The cleaning worker will serve a 42-year prison sentence after judge Abu Bakar Manat ordered the sentences for all rape and sexual offences to run concurrently from the date of his arrest on July 10.

He will receive the maximum legal limit of 24 whippings.

According to the first to 19th charges, the accused had raped his daughters, who were then nine and 10 years old, at two houses in Bakri and Jalan Jeram Tepi, Muar here, since 2018 and the last time was on July 9.

One of the girls is five weeks' pregnant.

The charges were in accordance with Section 376 (3) of the Penal Code which provides for a prison sentence of up to 30 years and 10 lashes, if convicted.

As for the 21st to 30th charges, the accused is accused of sexually assaulting both victims at the same location and time in accordance with Section 14 (a) of the Sexual Offences Against Children Act and read together with Section 16(1) of the same Act which provides imprisonment of up to 20 years and whipping.

Earlier, deputy public prosecutor Danial Munir asked the court to mete out a heavy sentence because the offence was serious and left lifelong trauma on his children.

The accused, who was unrepresented, asked for a lighter sentence on the grounds that he had repented and regretted his actions.

The court sentenced him to 30 years in prison and 10 strokes of the rotan for each count of rape.

For the charge of physical sexual assault, he was sentenced to 10 years in prison and two whippings for each charge under Section 14 and an additional two years in prison and two lashes for each charge. — Bernama

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | MOVE TO EXPAND RUKUN NEGERA CULTURE IN SCHOOLS | | | |
| HARI | : | SELASA | AKHBAR | : | THE STAR |
| TARIKH | : | 15 OGOS 2023 | M/SURAT | : | 06 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Move to expand Rukun Negara culture in schools

**KUALA LUMPUR:** The Rukun Negara Club will be expanded to schools across the country, including private schools, to strengthen efforts to inculcate a spirit of unity among the younger generation.

Education Minister Fadhlina Sidek said the Rukun Negara Club will play an important role in introducing and applying the philosophy of the five principles contained in the Rukun Negara.

She said it is important that the club, in which there are currently over 6,000 schools nationwide, be expanded, so that the ideology and principles of the Rukun Negara philosophy can be understood and appreciated.

"The strength of this country is not only seen from the physical aspect, but the resilience of the soul and spirit of its people.

"This inner self should be nurtured through unity, and the Rukun Negara should be a national ideology which lifts the essential being of our children.

"The Rukun Negara Club will be the leader of unity in schools.

WATCH THE VIDEO TheStarTV.com

"It aims to ensure that the unity programme runs in line with the wishes of the Education Ministry and the National Unity Ministry," she said at the launch of the 2023 Rukun Negara Exploratory programme at the school level at Seri Bintang Complex here yesterday, Bernama reported.

The programme aims to increase the knowledge, understanding, appreciation and practice of Rukun Negara in schools, and make it part of their attitudes and behaviour to strengthen their identity and patriotism. It is part of the "Kembara Perpaduan Malaysia Madani" in the "Semarak Kenegaraan" Cluster initiative.

In the meantime, Fadhlina reminded educators that they play a role in fostering the spirit of unity among the people by educating the younger generation, starting from school.

"Teachers are agents of unity ... we can see how teachers communicate their wishes, dreams and determination on how unity should be instilled in schools," she said.

Meanwhile, National Unity Minister Datuk Aaron Ago Dagang, who was also present at the ceremony, expressed hope that private schools would cooperate to expand the Rukun Negara Club.

"At the school level, there are already 6,849 Rukun Negara Clubs; we hope they will be established in all schools.

"We hope private schools will also participate in making this unity programme a success," he said.



**Instilling the best in our children:** Aaron and Fadhlina (centre) standing with teachers and students at the launch of the 2023 Rukun Negara Exploratory programme at the Seri Bintang Complex in Kuala Lumpur. — Bernama

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | MEDICAL TREATMENT FOR ABUSED BOY AFTER REHOMING | | |
| HARI | : | SELASA | AKHBAR : | THE SUN DAILY |
| TARIKH | : | 15 OGOS 2023 | M/SURAT : | 05 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR : | KPWKM |

# Medical treatment for abused boy before rehoming

**JOHOR BAHRU:** A seven-year-old abuse victim will receive medical treatment before he is entrusted to next of kin in Kedah or other qualified caregivers for temporary or permanent protection, said Johor Women, Family and Community Development Committee chairman Khairin-Nisa Ismail @ Md On.

She added that the boy had been cheerful as he was accompanied by his father, uncle and grandfather during her visit to the Sultan Ismail Hospital yesterday.

"I presented some contribution to him to raise his spirits and we all celebrated his birthday together.

"The boy was full of smiles and I hope he will grow up resilient and strong," Khairin-Nisa said in a Facebook post on Sunday, expressing thanks to the Johor Social Welfare Department, Child Welfare Services and the hospital paediatric specialists for providing care and safeguarding the child's rights.

"I am also grateful to Mukim Plentong village chief Tok Mohd Nurul Faiz Aman, along with the Bandar Layangkasa PR1MA community and village chiefs, who were aware of the victim's situation and took immediate action.

"Child abuse cases can be investigated under Section 31(1) (a) of the Child Act 2001, which provides imprisonment of not more than 20 years, a fine not exceeding RM50,000, or both."

Johor police chief Datuk Kamarul Zaman Mamat said the child's relative, 27, and her foreign friend, 30, were arrested on Friday on suspicion of abusing him in Pasir Gudang. – Bernama

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | 13 SEPTEMBER SEBUTAN LANJUT KES WANITA DIDAKWA MILIKI DADAH | | | |
| HARI | : | SELASA | AKHBAR | : | UTUSAN BORNEO (SARAWAK) |
| TARIKH | : | 15 OGOS 2023 | M/SURAT | : | 07 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# 13 September sebutan lanjut kes wanita didakwa miliki dadah

**MIRI:** Mahkamah Majistret di sini semalam menetapkan pada 13 September depan untuk sebutan lanjut kes seorang wanita didakwa memiliki dadah berbahaya jenis Methamphetamine.

Majistret Nazira Adlin Ahmad Khairul Razi turut mengeluarkan perintah kehadiran bagi membolehkan tertuduh yang kini ditahan di Penjara Pusat Miri dibawa ke mahkamah pada tarikh tersebut.

Zusanti Radin, 31, dari Sungai Tema, Hulu Niah dekat sini didakwa mengikut Seksyen 12 (2) Akta Dadah Berbahaya (ADB) 1952 dan dihukum di bawah Seksyen 12 (3) akta sama.

Jika sabit kesalahan, boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau penjara lima tahun atau kedua-duanya.

Berdasarkan pertuduhan kes, tertuduh bukan sebagai seorang diberi kuasa di bawah ADB 1952 didakwa memiliki dadah berbahaya jenis Methamphetamine seberat 0.18 gram.

Methamphetamine merupakan satu item terkandung dalam Bahagian III Jadual Pertama ADB 1952.

Tertuduh didakwa melakukan kesalahan itu jam 6 petang, pada 2 Julai lalu di sebuah bilik hotel bajet di Jalan Bongor, Nakhoda Gampar di sini.

Pendakwaan dilakukan Inspektor Mudzilawati Abdul Rahman.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | 98.85% KANAK-KANAK SARAWAK DAPAT PENDIDIKAN AWAL | | | |
| HARI | : | SELASA | AKHBAR | : | UTUSAN BORNEO (SARAWAK) |
| TARIKH | : | 15 OGOS 2023 | M/SURAT | : | 05 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# 98.85% kanak-kanak Sarawak dapat pendidikan awal

## Peratusan kanak-kanak dapat pendidikan awal sebelum melangkah ke darjah satu menunjukkan peningkatan

Oleh Agnes Tugong

**KUCHING: Peratusan kanak-kanak di Sarawak yang mendapat pendidikan awal sebelum melangkah ke darjah satu menunjukkan peningkatan iaitu 98.85 peratus tahun ini.**

Menteri Pembangunan Wanita, Kanak-Kanak dan Kesejahteraan Komuniti Dato Sri Fatimah Abdullah berkata peningkatan ini adalah satu pencapaian yang boleh dibanggakan.

"Kita berbangga dapat menyediakan akses pendidikan awal kanak-kanak termasuk di lima taska Penan.

"Bangunan taska Penan itu dibina dengan peruntukan Petronas manakala latihan kepada gurunya disediakan oleh kerajaan negeri menerusi kementerian," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media semasa menerima kunjungan hormat daripada Persatuan Asuhan dan Pendidikan Awal Kanak-Kanak Kebangsaan Malaysia (NAECCEM) di pejabatnya di sini semalam.

Ujar Fatimah lagi, semua kanak-kanak di Sarawak ada hak untuk mendapatkan pendidikan awal dan kementeriannya bermula dari Majlis Pembangunan Awal Kanak-Kanak dahulu lagi komited untuk memastikan semua kanak-kanak mendapat akses kepada pendidikan awal.

Sebab itu katanya, kementerian banyak berkolobaratif dengan badan-badan seperti NAECCEM agar dapat mencapai pendidikan awal kanak-kanak yang berkualiti.

Dalam pada itu kunjungan NAECCEM semalam diketuai Presidennya Shamsinah Shariff bersama beberapa exco yang lain.

Kunjungan tersebut bertujuan merapatkan hubungan antara NAECCEM dan kementerian yang bertanggungjawab dalam hal pembangunan awal kanak-kanak.

Shamsinah pada kunjungan itu turut menyatakan rasa kagum dengan apa yang dijalankan oleh kementerian diketuai Fatimah dalam pembangunan pendidikan awal kanak-kanak di Negeri ini.

Beliau turut berharap menerusi kunjungan ini pihaknya dapat bekerjasama dengan kementerian dan dapat mencontohi apa yang dilakukan di Sarawak berkaitan pendidikan awal kanak-kanak.

Dalam pada itu selain NAECCEM, Fatimah turut menerima kunjungan hormat daripada Beryl's Marketing Sdn Bhd oleh wakilnya Sih Hua Tong.

Kunjungan tersebut adalah untuk menyampaikan sumbangan kepada Fatimah untuk diagihkan kepada 10 organisasi kebajikan sempena Hari Sarawak 2023.

Penerima terdiri daripada Rumah Salvation Army (Perempuan), Rumah Salvation Army (Lelaki), Rumah Cheshire Sarawak, PERKATA Sarawak, PIBAKAT Jalan Ong Tiang Swee, Persatuan Austism Kuching, Kesatuan Orang Pekak Sarawak, Rumah Kanak-Kanak Toh Puan Hajah Norkiah Kuching, PERYATIM dan SMK Batu Lintang (Kelas Pelajar Buta).




**PENERANGAN: Fatimah (tengah) menjelaskan mengenai inisiatif kementerian kepada Shamsinah (dua kanan) disaksi yang lain semasa kunjungan hormat semalam.**

> "Kita berbangga dapat menyediakan akses pendidikan awal kanak-kanak termasuk di lima taska Penan."
>
> **Dato Sri Fatimah Abdullah**
> *Menteri Pembangunan Wanita, Kanak-Kanak dan Kesejahteraan Komuniti*

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | BAPA DURJANA DIHUKUM PENJARA 702 TAHUN DAN 234 SEBATAN | | | |
| HARI | : | SELASA | AKHBAR | : | UTUSAN BORNEO (SARAWAK) |
| TARIKH | : | 15 OGOS 2023 | M/SURAT | : | 10 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Bapa durjana dihukum penjara 702 tahun dan 234 sebatan

## Tergamak rogol dua anak kandung sehingga seorang mengandung

**MUAR: Mahkamah Sesyen di sini semalam menjatuhi hukuman penjara berjumlah 702 tahun dan 234 sebatan ke atas seorang lelaki yang tergamak merogol serta melakukan amang seksual terhadap dua anak kandungnya sehingga seorang daripada mereka mengandung.**

Hakim Abu Bakar Manat membuat keputusan itu selepas tertuduh, yang berusia 53 tahun, mengaku bersalah terhadap 19 pertuduhan merogol serta 11 pertuduhan melakukan amang seksual ke atas kedua-dua mangsa ketika mereka berumur 9 dan 10 tahun.

Bagaimanapun, pekerja pembersihan itu hanya perlu meringkuk dalam penjara selama 42 tahun selepas mahkamah memerintahkan hukuman untuk semua kesalahan berjalan serentak iaitu dari tarikh dia ditangkap pada 10 Julai lepas.

Tertuduh didakwa melakukan perbuatan terkutuk itu di dua rumah iaitu di Bakri serta Jalan Jeram Tepi, Muar di sini sejak 2018 dan kali terakhir pada 9 Julai lepas.

Bagi kesalahan merogol, dia didakwa mengikut Seksyen 376 (3) Kanun Keseksaan yang membawa hukuman maksimum penjara 30 tahun dan 10 sebatan.

Bagi kesalahan melakukan amang seksual pula, dia didakwa mengikut Seksyen 14(a) dibaca bersama Seksyen 16(1) Akta Kesalahan Kanak-Kanak 2017 yang membawa hukuman maksimum penjara 20 tahun dan sebatan.

Terdahulu, Timbalan Pendakwa Raya Danial Munir memohon mahkamah menjatuhkan hukuman berat kerana kesalahan yang dilakukan tertuduh adalah serius dan meninggalkan trauma sepanjang hayat kepada kedua-dua anaknya kerana dirogol sejak kecil.

Tertuduh, yang tidak diwakili peguam, merayu hukuman ringan atas alasan dia telah insaf dan menyesali perbuatannya.

Mahkamah menjatuhi hukuman penjara 30 tahun dan 10 sebatan untuk setiap pertuduhan merogol.

Bagi pertuduhan melakukan amang seksual pula, mahkamah menjatuhi hukuman penjara 12 tahun dan empat sebatan bagi setiap pertuduhan. — Bernama

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | KANAK-KANAK MANGSA DERA TERIMA RAWATAN SEBELUM DISERAH KEPADA WARIS | | | |
| HARI | : | SELASA | AKHBAR | : | UTUSAN BORNEO (SARAWAK) |
| TARIKH | : | 15 OGOS 2023 | M/SURAT | : | 10 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Kanak-kanak mangsa dera terima rawatan sebelum diserah kepada waris

**JOHOR BAHRU:** Kanak-kanak lelaki berusia tujuh tahun yang dipercayai didera ibu dan rakannya di Pasir Gudang, Jumaat lepas akan menerima rawatan terlebih dahulu, sebelum diserahkan kepada waris atau Orang Yang Layak dan Sesuai, di Kedah.

Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat negeri Khairin-Nisa Ismail @ Md On berkata kanak-kanak itu dilihat ceria ketika bersama bapa, bapa saudara dan datuknya semasa lawatan beliau ke Hospital Sultan Ismail (HSI) di sini, kelmarin.

"Saya juga telah memberikan sumbangan kepada kanak-kanak itu bagi menceriakan lagi perasaannya. Di kesempatan itu juga, kami bersama-sama meraikan ulang tahun kelahirannya bersama bapa kandung, bapa saudara dan datuknya yang datang dari Kedah.

"Tidak pernah terlepas daripada senyuman, saya berharap agar kanak-kanak ini membesar dengan tabah dan kuat," katanya dalam hantaran menerusi laman Facebook beliau malam kelmarin.

Khairin-Nisa turut mengucapkan terima kasih kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat negeri, Pelindung Kanak-Kanak dan pihak HSI terutamanya pakar pediatrik hospital kerana menjaga dan memberikan hak yang sepatutnya kepada kanak-kanak berkenaan.

"Turut berterima kasih kepada Penghulu Mukim Plentong Daerah Johor Bahru Tok Mohd Nurul Faiz Aman, yang bersama-sama ketua-ketua kampung dan Komuniti Pr1ma Bandar Layangkasa yang peka dengan keadaan kanak-kanak itu dan segera bertindak.

"Diingatkan bahawa kes penderaan kanak-kanak boleh disiasat mengikut Seksyen 31(1)(a) Akta Kanak-Kanak. Jika sabit kesalahan, boleh dihukum penjara tidak melebihi 20 tahun, atau dengan denda tidak melebihi RM50,000 atau kedua-duanya," katanya.

Sabtu lepas, Ketua Polis Johor Datuk Kamarul Zaman Mamat dilapor berkata ibu mangsa berusia 27 tahun dan rakan perempuannya, warga asing berusia 30 tahun ditahan kerana disyaki mendera kanak-kanak itu.

Sebelum ini, tular beberapa rakaman video dan gambar menunjukkan orang awam menyerbu sebuah rumah, dipercayai bagi menyelamatkan kanak-kanak yang disyaki didera oleh ibu kandung dan seorang rakannya. — Bernama

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | MPS, UNICEF BEKERJASAMA JADIKAN SIBU BANDAR MESRA KANAK-KANAK | | | |
| HARI | : | SELASA | AKHBAR | : | UTUSAN BORNEO (SARAWAK) |
| TARIKH | : | 15 OGOS 2023 | M/SURAT | : | 05 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# MPS, UNICEF bekerjasama jadikan Sibu bandar mesra kanak-kanak

**SIBU:** Majlis Perbandaran Sibu (MPS) dan Tabung Kanak-Kanak Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNICEF) telah menandatangani memorandum persefahaman (MoU) mengenai Inisiatif Bandar Mesra Kanak-Kanak (CFCI) UNICEF di sini, semalam.

MoU itu ditandatangi Pengerusi MPS Clarence Ting dan Ketua Dasar Sosial UNICEF Malaysia Dr Juanita Vasquez Escallon.

Timbalan Menteri Kesihatan Awam, Perumahan dan Kerajaan Tempatan II Michael Tiang telah menyaksikan pemeteraian MoU itu yang diadakan di Pejabat MPS di Wisma Sanyan di sini.

Bercakap pada majlis itu Ting berkata, dengan memulakan MoU ini, MPS mahu membina sebuah bandar di mana kanak-kanak mempunyai permulaan yang baik dalam kehidupan, membesar dengan rasa selamat dan dijaga.

"Kanak-kanak juga akan mempunyai peluang untuk menyatakan pendapat mereka dan mempengaruhi keputusan mengenai isu yang mempengaruhi mereka.

"Sebagai sebuah bandar, kami pulih daripada pandemik COVID-19 dan perintah kawalan pergerakan. Inisiatif ini akan memastikan kami membina semula dengan lebih baik," katanya.

Escallon turut berkata, MoU yang ditandatangani itu menandakan permulaan pembinaan bandar mesra kanak-kanak di Sibu.

Menurutnya, bandar mesra kanak-kanak boleh meningkatkan kehidupan kanak-kanak dengan mempunyai kawasan kejiranan yang lebih selamat, sistem sekolah dan kesihatan yang cekap serta infrastruktur yang dipertingkatkan untuk masyarakat.

"CFCI akan melengkapkan Konsep Pembuktian Bandar Pintar, Inisiatif Bandar Mesra Umur dan Komuniti serta Matlamat Pembangunan Mampan yang telah dilaksanakan oleh MPS.

"Melalui perjalanan untuk menjadi Bandar Mesra Kanak-Kanak ini, Sibu akan berubah menjadi sebuah bandar di mana setiap kanak-kanak menikmati setiap hak dan tiada siapa yang ketinggalan.

"Adalah besar harapan kami agar inisiatif ini akan memainkan peranan pemangkin dalam Strategi Pembangunan Pasca-COVID-19 Sarawak 2030," katanya sambil menambah bahawa 20.9 peratus penduduk Sibu adalah kanak-kanak berusia satu hingga 14 tahun mengikut Banci 2020.

Sibu adalah bandar kelima di Sarawak yang memeterai perjanjian dengan UNICEF mengenai CFCI.

Bandar lain di Sarawak ialah Miri, Kuching Selatan, Kuching Utara dan Padawan.

CFCI diperakui Kementerian Kesihatan Awam, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Kementerian Pembangunan Wanita, Kanak-Kanak dan Kesejahteraan Komuniti serta Unit Perancang Ekonomi Sarawak.

Turut hadir Timbalan Speaker Dewan Rakyat Alice Lau.




**KERJASAMA:** Tiang (tengah) menyaksikan Ting (dua kiri) dan Escallon (dua kanan) menandatangani MoU CFCI UNICEF di Sibu, semalam.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | PENGARAH SYARIKAT MENGAKU TIDAK BERSALAH GUNA DIESEL TANPA PERMIT | | | |
| HARI | : | SELASA | AKHBAR | : | UTUSAN BORNEO (SARAWAK) |
| TARIKH | : | 15 OGOS 2023 | M/SURAT | : | 13 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Pengarah syarikat mengaku tidak bersalah guna diesel tanpa permit



**DIBICARA:** Loke (kanan) mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di Ipoh semalam atas pertuduhan menggunakan barang kawalan iaitu diesel lebih 19,000 liter tanpa permit, awal tahun ini. — Gambar Bernama

**IPOH:** Seorang pengarah syarikat mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini semalam atas pertuduhan menggunakan barang kawalan iaitu diesel lebih 19,000 liter tanpa permit, awal tahun ini.

Datuk Loke Mei Chan, 54, didakwa melanggar Peraturan 18 (1) Peraturan-Peraturan Kawalan Bekalan 1974 iaitu menggunakan barang kawalan diesel sebanyak 19,546 liter tanpa permit dalam menjalankan perniagaan K2 Bitumen Sdn Bhd.

Dia didakwa melakukan perbuatan itu di K2 Bitumen Sdn Bhd, Taman Perindustrian Tungzen, Kampung Kepayang di Batu Gajah kira-kira 10.55 pagi, 13 Januari lepas.

Loke didakwa melakukan kesalahan di bawah Peraturan 21 Peraturan-Peraturan Kawalan Bekalan 1974 dibaca bersama Seksyen 22 (4) Akta Kawalan Bekalan 1974 yang boleh dihukum di bawah Seksyen 22 (2) Akta yang sama.

Dia berdepan hukuman denda maksimum RM1 juta atau penjara tidak melebihi tiga tahun, atau kedua-duanya, dan untuk kesalahan kali kedua atau kesalahan berulang denda maksimum RM3 juta atau penjara maksimum lima tahun atau kedua-duanya, jika sabit kesalahan.

Sementara itu, syarikatnya turut didakwa melakukan kesalahan sama di lokasi dan masa yang sama di bawah Peraturan 21 Peraturan-Peraturan Kawalan Bekalan 1974 dan boleh dihukum di bawah Seksyen 22 (2) Akta Kawalan Bekalan 1961.

Loke yang mewakili syarikat itu mengaku tidak bersalah sejurus pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim Ainul Shahrin Mohamad.

Syarikat itu berdepan hukuman denda maksimum RM2 juta dan kesalahan kali kedua atau kesalahan berulang denda maksimum RM5 juta.

Timbalan Pendakwa Raya Bahagian Undang-Undang Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Syazwani Zawawi menawarkan jaminan RM30,000 dengan seorang penjamin terhadap Loke atas alasan kemungkinan status pengarah itu boleh ditukar, selain kes itu membabitkan Ops Tiris berkaitan barang kawalan.

Bagaimanapun peguam Muhammad Iman Johar yang mewakili Loke dan syarikat itu berkata tiada keperluan mengenakan sebarang jaminan terhadap anak guamnya.

Mahkamah memutuskan tiada keperluan untuk jaminan dan menetapkan 22 September untuk sebutan semula kes. — Bernama

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | PENJAGA BAGI KANAK-KANAK LELAKI DIDERA DI JOHOR BELUM DIMUKTAMADKAN | | | |
| HARI | : | SELASA | AKHBAR | : | UTUSAN BORNEO (SARAWAK) |
| TARIKH | : | 15 OGOS 2023 | M/SURAT | : | 10 |
| TONE | : | NEUTRAL | SEKTOR | : | KPWKM |

# Penjaga bagi kanak-kanak lelaki didera di Johor belum dimuktamadkan

**MELAKA:** Penjaga bagi kanak-kanak lelaki berusia tujuh tahun yang dipercayai didera ibu dan rakannya di Pasir Gudang, Johor Jumaat lepas belum dimuktamadkan walaupun waris telah dikenal pasti.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Datuk Seri Nancy Shukri berkata Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Johor sebelum ini melaksanakan kerja-kerja pemeriksaan latar belakang bagi mengenal pasti waris mana yang akan menjaga kanak-kanak berkenaan.

"... tetapi belum muktamadlah sehingga bila dia keluar dari situ (hospital), barulah akan dimuktamadkan (waris mana yang akan menjaga mangsa) tetapi kerja-kerja persediaan itu sudah ada daripada JKM (Johor)," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Program Jerayawara Kasih KPWKM@Advokasi Antigangguan Seksual di Pusat Dagangan Antarabangsa Melaka (MITC) Ayer Keroh di sini semalam.

Hadir sama Timbalannya Aiman Athirah Sabu, Exco Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti negeri Datuk Kalsom Nordin dan Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka Datuk Zaidi Johari.



**AMANAT:** Nancy semasa berucap pada Program Jerayawara Kasih KPWKM @ Advokasi Antiganguan Seksual di Pusat Dagangan Antarabangsa Melaka (MITC) Ayer Keroh, dekat Melaka semalam.

— Gambar Bernama

Nancy berkata kanak-kanak berkenaan sedang menerima rawatan di Wad Pediatrik Hospital Sultan Ismail ketika ini dan berada dalam keadaan stabil.

Beliau berkata mangsa juga dikatakan mengalami trauma akibat penderaan itu, namun JKM akan melakukan kaunseling dan rawatan pemulihan bagi mengembalikan keyakinan kanak-kanak berkenaan.

Sabtu lepas, Ketua Polis Johor Datuk Kamarul Zaman Mamat dilaporkan berkata ibu mangsa berusia 27 tahun dan rakan perempuannya warga asing berusia 30 tahun ditahan kerana disyaki mendera mangsa di sebuah rumah di Bandar Layang Kasa, Pasir Gudang.

Kamarul Zaman dipetik sebagai berkata ibu kanak-kanak itu direman enam hari, manakala rakannya direman tujuh hari bagi membantu siasatan mengikut Seksyen 31(1)(a) Akta Kanak-Kanak 2001.

Sebelum ini, tular beberapa rakaman video dan gambar menunjukkan orang awam menyerbu sebuah rumah, dipercayai bagi menyelamatkan kanak-kanak yang disyaki didera oleh ibu kandung dan seorang rakannya. — Bernama

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | UNICEF CARI JALAN SOKONG PERTUBUHAN BUKAN BERASASKAN KEUNTUNGAN | | | |
| HARI | : | SELASA | AKHBAR | : | UTUSAN BORNEO (SARAWAK) |
| TARIKH | : | 15 OGOS 2023 | M/SURAT | : | 02 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# UNICEF cari jalan sokong pertubuhan bukan berasaskan keuntungan

**SIBU:** Tabung Kanak-Kanak Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNICEF) diketuai Ketua Dasar Sosial UNICEF Malaysia Dr Juanita Vasquez Escallon mengadakan lawatan ke Pusat Transit Gelandangan (TTG), Pusat Asuhan Kanak-Kanak Methodist, Pusat Agape dan Kompleks Kebajikan Juma'ani Tuanku Haji Bujang (PERYATIM) di sini semalam.

Juanita berkata, lawatan itu bagi membantu UNICEF bukan sahaja memahami operasinya tetapi mencari jalan menyokong pertubuhan bukan berasaskan keuntungan yang dimulakan oleh kerajaan negeri.

Katanya, terdahulu pihaknya juga menandatangani memorandum persefahaman (MoU) di Pejabat Majlis Perbandaran Sibu (MPS) di bawah Inisiatif Bandar Mesra Kanak-Kanak UNICEF (CFCI).

"Pemeteraian MoU tersebut menandakan permulaan pembinaan bandar mesra kanak-kanak di Sibu.

"MOU itu juga memastikan kanak-kanak mendapat permulaan baik dalam kehidupan mereka selain membesar dengan rasa selamat serta dijaga," katanya.

Hadir sama Pengerusi Kawasan Rukun Tetangga (KRT) Persiaran Brooke Melinda Wong.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | WANITA MENGAKU TIDAK BERSALAH MENIPU DALAM PENJUALAN TIKET RWMF 2023 | | | |
| HARI | : | SELASA | AKHBAR | : | UTUSAN BORNEO (SARAWAK) |
| TARIKH | : | 15 OGOS 2023 | M/SURAT | : | 08 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Wanita mengaku tidak bersalah menipu dalam penjualan tiket RWMF 2023

**KOTA SAMARAHAN:** Seorang wanita berusia 31 tahun mengaku tidak bersalah apabila didakwa di Mahkamah Majistret semalam atas dua pertuduhan menipu seorang wanita berhubung penjualan tiket Festival Muzik Hutan Hujan Sedunia (RWMF) 2023, sehingga membawa kepada kerugian RM2,130.

Pengakuan itu dibuat oleh Henerita Saran sebaik sahaja kedua-dua pertuduhan di bawah Seksyen 420 Kanun Keseksaan dibacakan terhadapnya oleh jurubahasa mahkamah.

Sabit kesalahan boleh dijatuhi hukuman penjara minimum setahun dan maksimum 10 tahun dan sebatan dan boleh didenda.

Majistret Iris Awen Jon membenarkan Henerita dibebaskan dengan ikat jamin tunai RM3,000 berserta dua penjamin tempatan dan menetapkan pengurusan kes pada 14 September 2023.

Mengikut kedua-dua pertuduhan, Henerita didakwa menipu mangsa berusia 29 tahun dengan menyatakan dia boleh menjual e-tiket konsert RWMF kepada mangsa sehingga mendorong mangsa membuat dua transaksi pembayaran secara dalam talian ke dalam akaun bank Henerita, membawa kepada sejumlah RM2,130.

Kesalahan itu didakwa dilakukannya masing-masing pada 23 dan 28 Februari 2023 di sebuah premis di Central City, Kota Samarahan.

Difahamkan, Henerita yang terdahulunya bekerja di sebuah agensi pelancongan terkemuka di Sarawak bertanya kepada mangsa sama ada mangsa berminat untuk membeli e-tiket RWMF.

Mangsa yang dikatakan berminat seterusnya membuat pembayaran secara dalam talian ke akaun bank Henerita dan dijanji akan diberikan e-tiket atau wristband.

Difahamkan juga, pada 23 Jun 2023, Henerita memaklumkan kepada mangsa bahawa tiket tidak dapat dicetak oleh pihak pengurusan dan berjanji akan memulangkan semula wang serta deposit pembelian tiket.

Bagaimanapun difahamkan mangsa tidak pernah menerima sebarang pembayaran balik dan seterusnya berasa dirinya ditipu.

Susulan itu, mangsa membuat laporan polis dan tertuduh ditangkap pada 9 Ogos 2023.

Henerita tidak diwakili peguam manakala pendakwaan dilakukan oleh Timbalan Pendakwa Raya Aiman Mutallib Mohamad Shariff.